

Sabah catat kes malaria monyet tertinggi di dunia

DE 19.8.2018 3

KOTA KINABALU: Sabah merekodkan insidens tertinggi malaria monyet di dunia menurut satu kajian oleh sepasukan penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kertas penyelidikan berdasarkan kajian selama lima tahun terhadap vektor utama (*Anopheles balabacensis*) malaria monyet (disebabkan oleh *Plasmodium knowlesi*) turut menemui bahawa kebanyakan kes adalah di pedalaman.

Kertas penyelidikan bertajuk "*Mitochondrial variation in subpopulations of Anopheles balabacensis Baisas in Sabah, Malaysia (Diptera: Culicidae)*" itu ditulis oleh Prof Dr Chua Tock Hing dan ditulis bersama oleh Benny Manim (pelajar kedoktoran di UMS) dan Prof Chris Drakely dari London School of Hygiene and Tropical Medicine.

Chua berkata satu kaji selidik yang dijalankan di Kudat dan Kota Marudu menunjukkan bahawa 9.8 peratus daripada sampel darah yang dikutip adalah positif *Plasmodium knowlesi* dengan kebanyakan individu yang dijangkiti tidak mempunyai sejarah demam.

"Ini adalah kaitan kuat di antara perubahan landskap, penyakit ekologi dan kesihatan manusia yang membantu menjelaskan kemunculan malaria monyet," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat lepas.

"Perubahan antropogen ini terhadap landskap di Sabah mempengaruhi dinamik di antara vektor nyamuk, monyet dan manusia.

"Keputusan lain turut mencadangkan *Plasmodium knowlesi* menyesuaikan diri kepada perubahan dalam taburan dan kapasiti vektornya di Borneo Malaysia.

"Nyamuk ini mendapat makanan daripada monyet dan juga manusia, lebih suka menggigit manusia di luar dan pada waktu petang.

"Ia adalah spesies *Anopheles* dominan yang ditemui di Bahagian Kudat di mana ia bertanggungjawab untuk semua kes *Plasmodium knowlesi*."

Bagaimanapun katanya, maklumat ekologi dan biologi asas vektor ini adalah terhad.

Chua dan pasukannya menyusun 71 individu *Anopheles balabacensis* yang

dikutip dari 14 tapak di tujuh daerah di Sabah, membentuk 14 sub populasi.

"Gen *cox1*, *cox2* mitokondria disusun dan dianalisis untuk menyasat hubungan genetik di antara spesimen dari pelbagai tapak.

"Sebanyak 17 dan 10 haplotip (haplotip adalah kumpulan gen dalam organisma yang diwarisi bersama dari ibu bapa tunggal) dikesan dalam sub populasi menggunakan susunan *cox1*, *cox2*."

Beliau menambah beberapa daripada haplotip itu adalah biasa dalam kalangan sub populasi akibat daripada aliran gen tinggi berlaku di antara mereka, dan variasi dikesan di antara sub populasi adalah bukan disebabkan jarak geografi di antara mereka.

"Analisis lanjut menunjukkan *Anopheles balabacensis* di Sabah mengalami pengembangan dan pertumbuhan populasi.

"Lebih penting aliran gen yang tinggi di antara populasi boleh membantu penyebaran racun serangga penentang yang mungkin menghalang usaha mengawal vektor," katanya.